



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERANAN DAN SUMBANGAN KOMUNITI CINA DALAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI DI BENTONG, 1897-1948

YANG YEE CHEN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA SEJARAH MALAYSIA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti peranan dan sumbangan komuniti Cina dalam pembangunan sosioekonomi di Bentong dari tahun 1897 hingga 1948. Komuniti Cina di Bentong telah menjalankan kegiatan ekonomi yang merupakan asas kepada penerokaan dan pembangunan Bentong pada zaman kolonial British. Komuniti Cina juga berperanan penting dalam menyumbang kepada pembangunan sosial Bentong sehingga menjadikan Bentong sebagai tarikan kepada kemasukan dan pertambahan komuniti Cina. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dan manuskrip telah digunakan dalam kajian ini yang memperoleh sumber utama dari Arkib Negara Malaysia dengan merujuk fail-fail kolonial British seperti *Pahang Annual Report*, *District Office Files*, *Secretariat Files of Pahang* dan fail-fail kerajaan Pahang manakala sumber sekunder pula adalah dikumpul daripada jurnal, buku dan majalah persatuan Cina Bentong. Penyelidikan ini juga menjalankan temu ramah dengan generasi tua di Bentong sebagai sumber lisan yang menyumbang kepada kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa kegiatan ekonomi oleh orang Cina telah berjaya menarik ramai kemasukan orang Cina datang ke Bentong untuk bekerja dan membangunkan aktiviti perlombongan yang terdapat di Bentong. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat komuniti Cina bergiat dalam aktiviti pertanian, perniagaan dan pertukangan yang telah membawa kepada pertumbuhan ekonomi Bentong. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan komuniti Cina di Bentong telah berjaya meningkatkan taraf hidup mereka di samping kejayaan dalam melahirkan persatuan Cina *Huiguan* yang berpengaruh di Bentong. Implikasi kajian menunjukkan komuniti Cina Bentong telah bergiat aktif dalam kegiatan ekonomi bagi membangunkan daerah Bentong dengan pesat pada zaman kolonial British.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

THE ROLES AND CONTRIBUTIONS OF THE CHINESE COMMUNITY IN THE SOCIOECONOMIC DEVELOPMENT OF BENTONG, 1897-1948

ABSTRACT

This study aims to identify the roles and contributions of the Chinese community in the socioeconomic development of Bentong from 1897 to 1948. The Chinese community in Bentong had carried out the economic activities which were the fundamental for Bentong exploration and development during the British colony. The Chinese community in Bentong also important as the contributing factor for its social development until it had made Bentong becoming an attraction for the influx of Chinese people and increased the number in the Chinese community. Qualitative approaches with documents and manuscript analysis, design have been used in this study, which have obtained major resources from the National Archives of Malaysia by referring the British colonial files such as Pahang Annual Report, District Office Files, Secretariat Files of Pahang and Pahang Government Files whereas the secondary resources were collected from journals Chinese society in Bentong, books and magazines. This research had also interviewed some senior citizens of the older generation in Bentong which contributed as oral resources for this study. The findings showed that the economic activities of Chinese community had succeeded in attracting more Chinese people into Bentong for working and developed its mining activities. The result also showed that there was a Chinese community engaged in farming, entrepreneurship and craftsmanship activities which brought to the economic growth of Bentong. The conclusion of this study showed that the Chinese community in Bentong had improved their standard of living successfully and established the influential Chinese society *Huiguan* in Bentong. The implication of this study suggested that the Chinese community in Bentong had actively participated in economic activities to develop Bentong district rapidly during the British colonial era.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii



BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Penyataan Masalah	5
1.3 Kepentingan Kajian	7
1.4 Tujuan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Soalan Kajian	9
1.7 Skop Kajian	10
1.8 Metodologi Kajian	11
1.9 Tinjauan Kajian	12
1.10 Definisi Istilah	16
1.10.1 Sosioekonomi	17





1.10.2 Komuniti Cina	17
1.11 Pembahagian bab	18
BAB 2 SEJARAH BENTONG DAN LATAR BELAKANG KOMUNITI CINA BENTONG	
2.1 Pendahuluan	21
2.2 Latar Belakang Bentong	22
2.3 Ringkasan Sejarah Perkembangan Bentong	25
2.3.1 Sejarah Pembangunan Bentong Sebelum Pentadbiran British Hingga Tahun 1940	26
2.3.2 Keadaan Bentong Semasa Zaman Penjajahan Jepun	42
2.3.3 Sejarah Bentong Dari Tahun 1945 Hingga Tahun 1957	48
2.4 Asal Usul Komuniti Cina Bentong	51
2.4.1 Faktor Imigrasi Orang Cina ke Bentong	51
2.4.1.1 Faktor Penolak Imigrasi Orang Cina	52
2.4.1.2 Faktor Penarik Imigrasi Orang Cina	57
2.4.2 Kumpulan Dialek Cina di Bentong	60
2.4.2.1 Orang Kwangsi	61
2.4.2.2 Orang Kantonis	63
2.4.2.3 Orang Hakka	64
2.4.2.4 Orang Hokkien	65
2.5 Kawasan Penempatan Cina di Daerah Bentong	66
2.5.1 Kawasan Penempatan Cina di Mukim Bentong	67
2.5.2 Kawasan Penempatan Cina di Mukim Sabai	71
2.5.3 Kawasan Penempatan Cina di Mukim Pelangai	73
2.6 Kesimpulan	75





BAB 3 PERKEMBANGAN KEGIATAN EKONOMI KOMUNITI CINA BENTONG

3.1	Pendahuluan	77
3.2	Perlombongan Bijih Timah	78
	3.2.1 Aktiviti Perlombongan Sebelum Penubuhan NNMB	78
	3.2.2 Aktiviti Perlombongan Sejak Tahun 1897 Hingga Tahun 1909	81
	3.2.3 Aktiviti Perlombongan Antara Tahun 1910 Hingga Tahun 1929	85
	3.2.4 Aktiviti Perlombongan Antara Tahun 1930 Hingga 1940-an	88
3.3	Pertanian	93
	3.3.1 Aktiviti Penanaman Getah	94
	3.3.2 Buah-buahan dan Sayur-sayuran	105
3.4	Perdagangan	109
	3.4.1 Kedai Runcit/ Peruncitan	110
	3.4.2 Kontraktor	112
3.5	Penternakan	113
	3.5.1 Ayam dan Itik	114
	3.5.2 Khinzir	116
3.6	Kemahiran Pertukangan	117
	3.6.1 Tukang Jahit	118
	3.6.2 Tukang Gunting	119
3.7	Kesimpulan	120





BAB 4 PERANAN DAN SUMBANGAN KOMUNITI CINA TERHADAP PEMBANGUNAN BENTONG

4.1 Pendahuluan	121
4.2 Penglibatan Komuniti Cina Dalam Pembangunan Ekonomi Bentong	122
4.2.1 Komuniti Cina Membangunkan Aktiviti Perlombongan Sebelum Tahun 1920	122
4.2.2 Peningkatan Aktiviti Pertanian Bentong	128
4.2.3 Penglibatan Orang Cina dalam Aktiviti Perniagaan	133
4.3 Sumbangan Komuniti Cina Dalam Membina dan Membangunkan Bandar Bentong	135
4.4 Komuniti Cina Membekalkan Tenaga Buruh Kepada Ekonomi Bentong	138
4.5 Sumbangan Komuniti Cina Dalam Memajukan Sistem Pengangkutan	140
4.6 Kesimpulan	144



BAB 5 KESAN DAN KEPENTINGAN KOMUNITI CINA TERHADAP PEMBANGUNAN SOSIAL BENTONG

5.1 Pendahuluan	146
5.2 Peningkatan Taraf Hidup Penduduk Bentong	147
5.3 Kelahiran Huiguan/ Persatuan Orang Cina	155
5.4 Pembentukan Kawasan Penempatan Cina	165
5.5 Kesimpulan	168

BAB 6 PENUTUP

RUJUKAN

LAMPIRAN





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Catuan Makanan Di Daerah Bentong, Pahang	47
2.2 Laporan Banci Bentong Pada Tahun 1947	67
3.1 Kawasan Tanah Yang Diberi Hak Milik Dan Di Bawah Penanaman (Ekar) Di Pahang, Tahun 1921	98
3.2 Keluasan Ladang Getah di Daerah-daerah Pahang, Tahun 1939	101



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Daerah Bentong, Pahang, Selepas Tahun 1921	23
2.2 Negeri Pahang- Bentuk Muka Bumi dan Sungai	24
3.1 Peratusan Bagi Jumlah Pengeluaran Bijih Timah Pahang, Tahun 1890 – 1909	85



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii

SENARAI LAMPIRAN

- A Foto Orang-orang Yang Ditemubual
- B Peta Laluan Imigrasi Orang Cina Ke Bentong
- C Penempatan Awal Bentong
- D Kawasan Lombong Cina Bentong, Tahun 1900-an
- E Geran Tanah Kedai Syarikat Tong Shoon
- F Jalan Bandar Bentong, Tahun 1950
- G Pasar Bentong, Tahun 1950-an
- H Pengangkutan Awam di Bentong
- I Populasi Pahang Mengikut Kumpulan Kaum, Tahun 1921
- J Kawasan Utama Penempatan Cina di Pahang, Tahun 1939



05-4506832



pustaka.

Pengangkutan Awam di Bentong
Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Pahang merupakan negeri terbesar di Semenanjung Malaysia yang mempunyai flora dan fauna yang menakjubkan. Ia dianggap sebagai negeri berdasarkan sungai kerana mempunyai beberapa sungai penting terutamanya Sungai Pahang yang menjadi nadi kehidupan hampir sebahagian penduduknya.¹ Nama Pahang berasal daripada sebatang pokok kayu *Mahang* besar yang melintang menyeberangi sungai di Kampung Kembahang.² Namun, terdapat satu lagi versi menyatakan asal usul nama Pahang berasal daripada bahasa Khmer yang mana perkataan *Pahang* dalam bahasa Khmer ialah timah. Perlombongan bijih timah di Sungai Lembing bermula pada

¹ Mohd Samsudin. Pahang Sekitar Abad Ke-19 Menurut Pandangan Pegawai-pegawai British. *Jebat*, vol. 37, 105 - 121. 2010. Hlm. 109.

² Linehan, W. A History of Pahang. *Journal of Malayan Branch, Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, vol. 14(2), 1972. Hlm.2.





zaman prasejarah.³ Oleh itu, kebanyakan ahli sejarah menerima versi ini sebagai asal usul nama Pahang.

Penduduk Pahang kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu. Terdapat juga orang asli seperti orang Senoi dan Jakun yang biasanya tinggal di pedalaman hutan.⁴ Sebelum pemerintahan British, bilangan orang Cina di Pahang amat kecil. Kebanyakan orang Cina singgah sementara untuk menjalankan perdagangan manakala terdapat juga sebilangan kecil yang menetap di negeri ini untuk menjalankan kegiatan perlombongan bijih timah dan emas.⁵

Tao-i-Chih-Lioh adalah catatan sejarah negara China terawal yang memberi gambaran terhadap Pahang. Penulisnya *Wang Ta-yuan* merupakan seorang pedagang Cina yang menjalankan perdagangan di Asia Tenggara pada tahun 1330-an dan 1340-an.⁶ Dalam *Tao-i-Chih-Lioh*, pada tahun 1349 Pahang digambarkan seperti berikut:

Ia dikeliling oleh gunung berbatu yang bersifat tidak datar dan curam yang mana ketika lihat dari jarak jauh, ia seperti satu benteng yang tinggi. Tanahnya subur, kualiti hasil tanaman tinggi, cuaca sederhana... Penghuni *Peng Keng* (Pahang) memasak air laut untuk mendapatkan garam dan menapai air santan kepada arak... Hasil tempatan ialah kayu cendana, timah, kayu kamper, balsam. Manakala bahan-bahan import dari China pula ialah kain sutera, alat-alat besi dan tembaga, cat, alat muzik.

(Huang, Y. (Eds). 1967. Hlm.16)

³ Ibid.

⁴ Cant, R. G., *A Historical Geography of Pahang*. Monograph of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society (MBRAS). Singapore, Times Printers Sdn. Bhd., 1973. Hlm. 31.

⁵ Huang, Y. (Eds). *Xingma Huarenzhzi* [Sejarah Orang Cina di Malaysia dan Singapore]. Hong Kong, MingJian Chuban She, 1967. Hlm. 16.

⁶ Liu, C.H. *Pengheng Huazhushi Ziliaozhongguopian* [Maklumat Sejarah Kaum Cina Pahang]. Kuantan, Gabungan Persatuan-persatuan China Pahang. 1992. Hlm. 12.





Ini menunjukkan bahawa sejak Dinasti Yuan, orang Cina datang ke Pahang untuk menjalankan perdagangan. Aktiviti perdagangan antara Pahang dan China sentiasa dijalankan sejak masa itu. Kebanyakan daripada pedagang Cina ini adalah orang Hokkien serta orang Kantonis.⁷ Semasa Dinasti Ming pula, duta Pahang dihantar ke negara China pada tahun 1378, 1411, 1414 dan 1416 untuk mendapat pengiktirafan dan perlindungan dari China. Perlindungan dari China dijaminkan oleh Maharaja China dengan lawatan Cheng Ho ke Pahang pada tahun 1412 dan 1416.⁸ Hubungan baik antara Pahang dengan China semasa Dinasti Ming serta lawatan Cheng Ho ke Pahang dicatatkan dalam catatan sejarah China seperti *Ming Shi*, *XingChai Shenglan*⁹ dan *Dongxi Yangkao*. Keadaan aktiviti perdagangan di pelabuhan Pahang yang digambarkan dalam *Dongxi Yangkao* pada tahun 1617, seperti berikut:



Sentiasa terdapat kapal pedagang asing singgah di pelabuhan Pahang. Oleh itu, raja telah membina beberapa buah rumah tumpangan. Pedagang perlu membayar cukai untuk tinggal di rumah tumpangan ini. Rumah tersebut dekat dengan pelabuhan Pahang, pedagang yang tinggal di rumah tersebut dapat mendengar kemeriahan pelabuhan Pahang. Pedagang-pedagang biasanya menjalankan aktiviti jual beli dengan orang tempatan dalam tempoh persinggahan.

(Liu, C. H. 1992, hlm 20)

Selain itu, *Dongxi Yangkao* menyenaraikan beberapa hasil tempatan Pahang yang diekport ke China seperti kayu cendana, kayu kamper, tanduk badak,

⁷ Ibid, hlm. 17.

⁸ Gopinah, A. *Pahang 1880-1933: A Political History*. MBRAS Monograph no. 18. Kuala Lumpur, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1991. Hlm. 11.

⁹ Penulisnya adalah salah seorang pengikut dalam pelayaran Cheng Ho yang bernama Fei Hsin. Beliau merupakan seorang Cina Muslim dan sarjana bahasa Arab. Untuk maklumat lanjut, lihat Liu, C. H. 1992, hlm. 16.





kulit penyu, gading gajah, emas bijih timah, sago, kelapa, pinang, manggis, sarang burung, balsam.¹⁰ Senarai bahan ekportnya lebih banyak dicatatkan berbanding dengan *Tao-i-Chih-Lioh*. Catatan tersebut menunjukkan bahawa kedatangan pedagang Cina ke Pahang semakin banyak berbanding dengan Dinasti Yuan.

Walau bagaimanapun, Pahang tidak dapat menjadi pelabuhan utama kerana pelabuhannya tidak mampu menampung bilangan kapal perdagangan yang banyak. Oleh itu, jumlah kedatangan bilangan pedagang orang Cina di Pahang adalah jauh lebih kecil berbanding dengan negeri-negeri Melayu pantai barat. Orang Cina yang menetap di Pahang juga dalam bilangan yang kecil. Mereka hanya berkumpul di beberapa kawasan seperti Pekan, Penjum, Ulu Pahang, Ulu Kuantan, Raub dan Bentong untuk menjalankan perdagangan dan perlombongan.¹¹ Dasar percuakan yang membebarkan, ketiadaan peraturan dan undang-undang serta sistem pengangkutan yang kurang maju adalah sebab-sebab kekurangan orang Cina menetap di Pahang. Orang Cina yang tinggal di Pahang didapati lebih miskin berbanding dengan rakan seperantauan mereka di negeri-negeri pantai barat.¹² Ia hanya selepas tahun 1888, dengan permulaan pentadbiran British, barulah terdapat ramai orang Cina dari negara China dan negeri-negeri Melayu pantai barat berpindah masuk ke Pahang.¹³

¹⁰ Ibid.

¹¹ Gopinah, A. 1991. Hlm. 7.

¹² Ibid.

¹³ Ibid, hlm. 8.





Bentong ialah salah satu kawasan pemusatan orang Cina di Pahang. Ia adalah tempat yang terkenal dengan pengeluaran bijih timah. Sebelum tahun 1890-an, Bentong hanya merupakan satu kampung Melayu dan orang Melayu tempatan menggunakan kaedah mendulang untuk memperoleh bijih timah.¹⁴ Pada lewat tahun 1890-an, barulah Bentong mencapai status bandar dengan kemasukan orang Cina secara beramai-ramai.

1.2 Pernyataan Masalah

Bentong adalah satu kawasan yang diberi tumpuan dan dititikberatkan oleh kerajaan British kerana potensi ekonomi daerahnya yang kaya dengan bijih timah serta lokasinya yang strategik (bersempadan dengan Selangor dan Negeri Sembilan). Ia diterokai dan dibangunkan dengan pesat selepas penubuhan sistem Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Kekayaan bijih timah menyebabkan Bentong yang asalnya kampung Melayu menjadi bandar kecil. Untuk membangunkan Bentong, British menandatangani satu kontrak dengan kapitalis Cina yang terkenal di Selangor, Loke Yew¹⁵ pada tahun 1897 supaya beliau membangunkan

¹⁴ Wu, Y. H. Wendong Xilie [Siri Bentong]. *Oriental Daily*. 2005, Mei 12. Hlm. 17.

¹⁵ Loke Yew (1846-1917) berasal dari Heshan, wilayah Guangdong. Beliau merupakan seorang usahawan Cina yang terkaya dan paling popular di Tanah Melayu pada zaman tersebut. Semasa beliau berumur 11 tahun, beliau menjadi buruh kontrak dan dihantar ke Mersing Johor untuk menjadi seorang penggali lombong selama 3 tahun. Selepas tamat kontrak, Loke Yew pergi ke Singapore dan bekerja di sebuah kedai arak tembakau yang bernama "Luoqisheng Yanjiuzhuang" yang berada di *Market Street*. Gaji beliau adalah 4 dollar sebulan. Selepas 3 tahun, Loke Yew membuka sebuah kedai runcit di Singapore yang bernama "Xinlonghao" dengan menggunakan wang simpanannya. Apabila beliau mendengar khabar bahawa Larut didapati kaya dengan bijih timah, beliau rasa ia adalah peluang untuk menjadi kaya. Maka, beliau menyerahkan perniagaan kedai runcit kepada rakan kongsi dan seterusnya pergi ke Larut dan Matang. Pada masa itu, Loke Yew bekerja sebagai tukang masak dan pembeli di kawasan lombong bijih timah.





perlombongan bijih timah serta membina jalan raya dan bandar di Bentong.¹⁶

Oleh itu, Loke Yew menarik ramai orang Cina datang ke Bentong untuk menjadi buruh, pelombong, petani dan pedagang. Dengan kemasukan orang Cina secara beramai-ramai, Bentong dibangunkan dengan pesat dan menjadi bandar Cina yang terkenal di Pahang.

Untuk mendapat kehidupan yang lebih baik, orang Cina bergiat dalam aktiviti ekonomi Bentong. Mulai tahun 1897, aktiviti perlombongan bijih timah adalah kegiatan ekonomi utama bagi komuniti Cina. Selepas tahun 1920, aktiviti perlombongan bijih timah mula merosot kerana harga bijih timah semakin berkurangan. Kebanyakan orang Cina Bentong beralih ke aktiviti pertanian terutamanya penanaman getah dan aktiviti perdagangan.



Seterusnya, Loke Yew dan rakannya telah bekerjasama membuka sebuah lombong di Kamunting. Akan tetapi, lombong beliau telah dimusnahkan akibat daripada Perang Larut Kedua pada tahun 1873. Beliau telah mengalami kerugian yang besar. Mujurlah Loke Yew dapat membangun semula melalui pemberian kontrak daripada kerajaan British supaya beliau bertanggungjawab ka atas pembekalan makanan kepada tentera British di Perak, Permohonan beliau terhadap kontrak pemungutan cukai di Kamunting juga diluluskan oleh kerajaan British. Pada tahun 1880, beliau melabur di kawasan perlombongan Kinta Valley, beliau mendapat 50,000 dollar dividen setahun. Pada tahun 1886 pula, Loke Yew melabur kawasan perlombongan dan menjadi kontraktor pelbagai jenis cukai di Kuala Lumpur. Beliau mendapat keuntungan besar dan kerajaan British amat mengambil berat terhadap beliau. Oleh itu, beliau dilantik sebagai Senator Negeri Selangor dan ahli Lembaga Kesihatan Kuala Lumpur pada tahun 1892. Selain daripada perlombongan bijih timah dan kontraktor, perusahaan beliau juga secara beransur-ansur diperluaskan kepada pembinaan, penanaman kelapa dan getah, perkilangan, pelaburan harta tanah, perlombongan arang, perkapanan, serta perbankan. Loke Yew merupakan salah seorang pengasas Kwang Yik Bank. Bank ini adalah bank milik Cina pertama di Tanah Melayu yang dibuka pada tahun 1913. Wang kertas yang dikeluarkan oleh Kwang Yik Bank adalah sama nilai dengan wang kertas yang dikeluarkan oleh kerajaan British. Untuk keterangan lanjut, baca Lee Y. L. (2010). *Loke Yew: Youyou Bainiangong, Tuotuo Dangnianku*. Diakses pada 28 Februari 2014, diperoleh daripada <http://www.malaysian-chinese.net/publication/articlesreports/articles/1245.html>

¹⁶ Cant, R. G. 1973, hlm. 49





Komuniti Cina memainkan peranan penting dalam pembangunan daerah Bentong semasa zaman kolonial British. Mereka membekalkan modal dan tenaga buruh dalam pelbagai aktiviti ekonomi seperti aktiviti perlombongan bijih timah, pertanian dan perdagangan untuk memperkembangkan sosioekonomi Bentong. Komuniti Cina juga berjasa dalam membina dan membangunkan bandar Bentong. Mereka juga memberi sumbangan dalam memajukan sistem pengangkutan dengan membina jalan-jalan yang menghubungkan Bentong dengan negeri Selangor dan Kuala Lumpur. Komuniti Cina juga memberi kesan dan kepentingan terhadap pembangunan sosial Bentong. Kedatangan komuniti Cina meningkatkan taraf hidup Bentong, melahirkan kawasan penempatan Cina dan melahirkan huiguan/persatuan Cina di Bentong.



1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk membuktikan masyarakat Cina memberi sumbangan terhadap penerokaan dan pembangunan Bentong dari segi sosioekonomi semasa zaman kolonial British, terutamanya selepas penubuhan NNMB. Ia dapat memberi gambaran yang jelas mengenai kesungguhan orang Cina dalam pelbagai aktiviti ekonomi seperti aktiviti perlombongan, pertanian dan perniagaan di Bentong.

Selain itu, kajian ini menjadi sumber rujukan ilmiah mengenai sejarah komuniti Cina Bentong. Kekurangan maklumat, dokumen dan kajian yang mendalam tentang peranan masyarakat Cina dalam sosioekonomi Bentong menyebabkan





penyelidik rasa bertanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan ini supaya dapat mengumpul, mengkaji dan menganalisis maklumat-maklumat penting mengenai masyarakat Cina Bentong terutamanya dari segi sosioekonomi. Dengan itu, ia dapat membantu para penyelidik, pembaca dan generasi muda mengetahui sejarah masayarakat Cina Bentong dengan lebih terperinci. Penyelidik berharap agar kajian ini dapat menjadi sumber rujukan kepada pihak yang ingin menjalankan kajian berkaitan dengan sejarah Bentong pada masa akan datang.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengumpul, menyelidik dan menganalisis maklumat-maklumat dari dokumen-dokumen dan sumber sejarah yang berkaitan dengan sosioekonomi komuniti Cina di Bentong dengan terperinci supaya dapat menambahkan khazanah penyelidikan sejarah negara. Selain itu, kajian ini juga untuk memperlihatkan peranan orang Cina dalam penerokaan dan pembangunan Daerah Bentong supaya dapat memperkayakan sumber rujukan ilmiah mengenai sejarah pembangunan Bentong.

1.5 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik terdapat beberapa objektif utama, iaitu:





- a) Untuk mengenal pasti latar belakang komuniti Cina di Bentong.
- b) Untuk meneliti penglibatan komuniti Cina dalam kegiatan ekonomi di Bentong pada tahun 1897-1948.
- c) Untuk menganalisis peranan dan sumbangan komuniti Cina kepada penerokaan dan pembangunan Bentong pada tahun 1897-1948.
- d) Untuk mengkaji kesan dan kepentingan komuniti Cina terhadap pembangunan sosial Bentong pada tahun 1897-1948.

1.6 Soalan Kajian



berkaitan dikemukakan seperti berikut:

- a) Apakah latar belakang orang Cina di Bentong?
- b) Sejauhmanakah penglibatan komuniti Cina dalam aktiviti / kegiatan ekonomi di Bentong pada tahun 1897-1948?
- c) Apakah peranan dan sumbangan komuniti Cina kepada penerokaan dan pembangunan Bentong pada tahun 1897-1948?
- d) Apakah kesan dan kepentingan komuniti Cina terhadap pembangunan sosial Bentong pada tahun 1897-1948?





1.7 Skop Kajian

Kajian ini menjurus kepada sejarah dan sosioekonomi orang Cina di Bentong terutamanya penglibatan orang Cina dalam aktiviti ekonomi seperti perlombongan, pertanian, penanaman getah, perniagaan, penternakan dan pertukangan di Bentong. Tumpuan juga diberikan kepada latar belakang komuniti Cina Bentong, sumbangan komuniti Cina terhadap pembangunan Bentong, serta kesan kehadiran komuniti Cina terhadap pembangunan sosial Bentong. Kajian ini mengambil lokasi daerah Bentong di Pahang sebagai lokasi kajian. Daerah Bentong mengandungi 3 mukim, iaitu, mukim Bentong, Sabai dan Pelangai. Kekayaan bijih timah dan kesuburan tanah di Bentong telah menyebabkan ramai orang Cina datang untuk melibatkan diri dalam aktiviti perlombongan dan pertanian. Maka, kajian ini menekankan sosioekonomi



Selain itu, tempoh masa kajian ini pula adalah fokus pada tahun 1897 hingga 1948 kerana sistem pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bermula pada tahun 1897. Penerokaan dan pembangunan Bentong mula dijalankan dengan pesat dan maju dengan cara menarik pelabur dan buruh Cina masuk Bentong secara beramai-ramai selepas penubuhan sistem Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Di samping itu, tempoh tamat masa kajian adalah sehingga tahun 1948 kerana pengkaji hendak menyelidik sosioekonomi komuniti Cina Bentong semasa zaman pentadbiran British. Latar masa tersebut adalah tempoh kerajaan British campur tangan dan memberi tumpuan terhadap pentadbiran Pahang.





1.8 Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah kualitatif untuk menghasilkan kajian yang menepati ciri-ciri kajian sejarah. Kaedah ini digunakan untuk memperoleh fakta daripada pelbagai sumber yang sahih seperti sumber lisan, tulisan dan sumber visual. Sumber-sumber yang berkaitan dengan tajuk kajian ini akan dikumpulkan oleh penyelidik. Maklumat yang dikumpulkan kemudiannya dianalisis bagi menjawab permasalahan kajian yang dinyatakan dalam kajian ini.

Untuk mendapat data-data penting, penyelidik melakukan kajian di Perpustakaan. Data-data dan maklumat penting mengenai sejarah dan sosioekonomi komuniti Cina Bentong dapat dikumpulkan daripada *Pahang Annual Report, Temerloh District Office Files, Raub District Office Files, Bentong Districts Office Files, F.M.S. Government Gazette, Secretariat Files of Pahang, Monographs of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society, Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society*, dokumen-dokumen asal, manuskrip, rekod-rekod rasmi kerajaan,

jurnal, akhbar *The Malay Mail, The Straits Times, The Singapore Free Press, Oriental Daily, Nanyang Siang Pau, New Media Bentong*, artikel, tesis, buku-buku, majalah *huiguan* dan bahan terbitan lain yang berkaitan dengan kajian ini. Kesemua dokumen primer dan sekunder tersebut dapat diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Pengajian Asia Timur Universiti Malaya, Perpustakaan Bentong, Perpustakaan Dewan Perhimpunan Cina Bentong, Pejabat Persatuan Kwangsi Bentong dan Pusat Pengajian Cina Malaysia. Semua bahan dan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini dijadikan sumber rujukan, sama ada sumber rujukan





pertama ataupun sumber rujukan kedua. Maklumat-maklumat ini ditapis dan dianalisis terlebih dahulu sebelum digunakan dalam kajian ini.

Selain itu, temu bual dilakukan dalam kajian ini untuk mendapatkan sumber lisan. Sesi temu bual dijalankan secara bebas dengan generasi tua di Bentong yang berumur sekurang-kurangnya 70 tahun dan sihat untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting yang berkaitan dengan sejarah dan sosioekonomi orang Cina di Bentong terutamanya pada tahun 1897-1948. Soalan-soalan mengenai latar belakang mereka, pekerjaan mereka, aktiviti ekonomi komuniti Cina dan keadaan Bentong semasa zaman kolonial telah diajukan kepada responden yang dipilih.



1.9 Tinjauan Kajian

Kajian ini adalah tertumpu kepada sosioekonomi komuniti Cina Bentong pada tahun 1897-1948. Setakat ini, pengkaji mendapati tidak mempunyai kajian khusus mengenai sosioekonomi komuniti Cina Bentong. Namun, terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan sosioekonomi Cina dan sejarah orang Cina Bentong. Penulis-penulis yang mengkaji sosioekonomi Cina adalah seperti Lee Teck Choo dan Hasmaini Bt. Dollah.

Kajian Lee Teck Choo pada 2008 yang bertajuk *Perkembangan Sosioekonomi dan Politik Dalam Kalangan Orang Cina Di Daerah Bau dan*





*Bandar Kuching Sejak 1840 Hingga 1947*¹⁷, telah mengkaji tentang sejarah sosioekonomi dan politik orang Cina di Bahagian Kuching yang memberi tumpuan kepada peranan orang Cina dalam pembangunan Daerah Bau sejak pemerintahan Kesultanan Brunei hingga Dinasti Brooke. Kajian penulis memberi fokus kepada pembangunan daerah Bau yang dicapai oleh orang-orang Cina yang bergiat dalam aktiviti pertanian dan perlombongan emas, dan seterusnya membawa kemajuan ekonomi kepada bandar Kuching. Skop kajian penulis agak luas. Selain daripada sejarah hubungan dan imigrasi orang Cina ke Sarawak serta kegiatan ekonomi orang Cina di Bazar Bau dan sumbangannya kepada pembangunan bandar Kuching, penulis juga membincangkan pemberontakan orang Cina 1857 yang memberi kesan kepada kegiatan ekonomi di Bau, kesan sosial kehadiran orang Cina serta peranan orang Cina dalam politik bandar Kuching dan daerah Bau.



Hasmaini Bt. Dollah pula telah menulis satu kajian yang bertajuk *Sejarah Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat Cina di Kelantan (1900-1957)*¹⁸ pada tahun 2003. Kajian tersebut bukan sahaja mengkaji sosioekonomi, tetapi juga menyelidik politik masyarakat Cina di Kelantan. Dalam kajian tersebut, penulis telah meneliti sejarah kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu. Di samping itu, penulis juga menulis tentang penglibatan orang Cina Kelantan dalam *Malayan Chinese Assosiation* (MCA); kegiatan ekonomi orang Cina Kelantan seperti perlombongan emas, getah, pembalakan dan perdagangan; perkembangan

¹⁷ Lee, T. C. 2008. *Perkembangan Sosioekonomi dan Politik Dalam Kalangan Orang Cina Di Daerah Bau dan Bandar Kuching Sejak 1840 Hingga 1947*. Tesis Sarjana belum diterbitkan, Universiti Sains Malaysia.

¹⁸ Hasmaini Bt. Dollah. 2003. *Sejarah Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat Cina di Kelanta (1900-1957)*. Tesis Sarjana Muda belum diterbitkan, Univeriti Malaya.





pendidikan Cina Kelantan dan gerakan berpersatuan Cina. Latar belakang orang Cina, aktiviti perlombongan, getah dan perdagangan orang Cina yang diperinci dalam kajian ini merupakan rujukan kepada kajian penyelidik.

Buku *A Historical Geography of Pahang*¹⁹ yang dituliskan oleh Garth Cant pada 1973 telah membincangkan tentang sejarah ekonomi Pahang dari tahun 1888 hingga 1939. Dalam buku tersebut, penulis meneliti latar belakang Pahang, keadaan ekonomi dan sosial Pahang sebelum pentadbiran British, serta perkembangan ekonomi, populasi dan sistem pengangkutan Pahang semasa pentadbiran British. Perubahan dan perkembangan aktiviti perlombongan, pertanian, populasi dan sistem pengangkutan bagi setiap daerah Pahang antara tempoh 1888-1939 telah dikajikan dengan teliti. Buku tersebut menjadi rujukan utama bagi tesis penyelidik kerana ia terdapat banyak maklumat tentang aktiviti ekonomi dan populasi komuniti Cina di Bentong antara tempoh 1896 hingga 1939.

Selain itu, penyelidik juga mendapati beberapa penulis yang menulis tentang sejarah Orang Cina Bentong seperti Liu Chong-han, Chan Chang-pang, Wong Yong-kun, Wu Yanhua dan Zhou Teck Sheng. Dalam penulisan buku Liu Chong-han yang bertajuk *Pengheng Huazhushi Ziliaoz Kuangpian*²⁰ [Maklumat Sejarah Kaum Cina Pahang] pada 1992, terdapat salah satu bab telah menulis tentang sejarah orang Cina Bentong pada tahun 1850-1940. Selain daripada sejarah Cina Bentong, penulis juga membincang sedikit tentang sejarah perlombongan bijih timah dan

¹⁹ Cant, R. G. 1973. *A Historical Geography of Pahang*. Monograph of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society (MBRAS). Singapore, Times Printers Sdn. Bhd

²⁰ Liu, C.H. 1992. *Pengheng Huazhushi Ziliaoz Kuangpian* [Maklumat Sejarah Kaum Cina Pahang]. Kuantan, Gabungan Persatuan-persatuan China Pahang.





aktiviti pertanian Bentong, kampung-kampung baru Cina Bentong dan sumbangan orang Cina dalam penerokaan Bentong. Walaupun topik-topik tersebut tidak dibincangkan secara mendalam, tetapi penyelidik mendapat maklumat mengenai aktiviti perlombongan dan pertanian komuniti Cina serta sumbangan komuniti Cina dalam pembangunan Bentong melalui buku Liu Chong-han.

Penulis Chan Chang-pang pula telah menjelaskan keadaan Bentong sebelum penerokaan dan sejarah orang Kwangsi Bentong serta penubuhan Persatuan Kwangsi Bentong dalam artikelnya yang bertajuk *Malai Xiya Wendong de Guangxi Ji Huaqiao Huaren*²¹ [Orang Cina Kwangsi di Bentong Malaysia] yang dihasilkan pada 1987. Begitu juga dengan Wong Yong-kun pada 1987 dalam artikelnya *Guangxi Ji Huaqiao Huaren Luju Nanyang Lueshu*²² [Sejarah Imigrasi Orang Cina Kwangsi ke Nanyang] membincangkan tentang sejarah orang Kwangsi Bentong dan sumbangan orang Kwangsi dalam penerokaan dan pembangunan Bentong. Kedua-dua penulis ini menumpukan perhatian kepada sejarah dan latar belakang masyarakat suku kaum Kwangsi Bentong manakala kajian penyelidik menjurus kepada sosioekonomi komuniti Cina yang merangkumi semua suku kaum Cina di Bentong.

Di samping itu, penulis Wu Yanhua dalam artikelnya yang bertajuk *Wendong Xilie*²³ [Siri Bentong] pada 2005 telah menulis tentang sejarah Bentong. Dalam

²¹ Chan, C. P. *Malai Xiya Wendong de Guangxi Ji Huaqiao Huaren* [Orang Cina Kwangsi di Bentong Malaysia]. *Bagui Qiaokan*, 1987. Hlm. 35-38.

²² Wong, Y. K. *Guangxi Ji Huaqiao Huaren Luju Nanyang Lueshu* [Sejarah Imigrasi Orang Cina Kwangsi ke Nanyang]. *Bagui Qiaokan*, 1987. Hlm. 31-34.

²³ Wu, Y. H. *Wendong Xilie* [Siri Bentong]. *Oriental Daily*. 2005, Mei 12. Hlm. 17-18.





artikel tersebut, Wu Yanhua telah meneliti sejarah penerokaan Bentong, jasa *Loke Yew* dalam penerokaan Bentong, imigrasi orang Cina terutamanya orang Kwangsi ke Bentong, dan kegiatan perlombongan bijih timah Bentong. Oleh kerana suku kaum Kwangsi merupakan suku kaum Cina yang terbesar di Bentong, maka penulis lebih memberi tumpuan kepada imigrasi dan aktiviti ekonomi orang Kwangsi. Dapatan penulis dalam kegiatan perlombongan orang Kwangsi Bentong menjadi maklumat berguna bagi kajian penyelidik.

Penulis Zhou Teck Sheng juga mengkaji sejarah Bentong antara tahun 1897 hingga 1999 dalam artikelnya yang bertajuk *Wendong Lishi Diandi*²⁴ [Sejarah Bentong] yang dihasilkan pada tahun 2000. Penulis telah membincangkan latar belakang Bentong, faktor kedatangan orang Cina ke Bentong, sumbangan orang Cina dalam pembangunan Bentong, aktiviti ekonomi komuniti Cina, *huiguan-huiguan* Cina Bentong serta kepentingan kuil *Kwangfu* terhadap komuniti Cina Bentong. Aktiviti ekonomi komuniti Cina hanya merupakan sebahagian kecil daripada kajian penulis dan penekanannya lebih kepada kegiatan perlombongan bijih timah.

1.10 Definisi Istilah

Terdapat dua definisi istilah yang digunakan secara meluas dalam kajian ini. Penyelidik mendefinisikan secara operasinya istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini seperti berikut:

²⁴ Zhou, T. S. (2000). *Wendong Lishi Diandi* [Sejarah Bentong]. Artikel yang belum diterbitkan, Perpustakaan Dewan Perhimpunan Cina Bentong.





1.10.1 Sosioekonomi

Sosioekonomi merujuk kepada sesuatu yang melibatkan masyarakat, ekonomi atau kedua-duanya.²⁵ Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994) pula, sosioekonomi bermaksud sesuatu yang berkaitan dengan masyarakat dan ekonomi yang melibatkan unsur-unsur atau faktor-faktor yang berhubung dengan kemasyarakatan dan ekonomi. Sosioekonomi didapati merupakan asas kepada segala perancangan pembangunan dalam sesebuah masyarakat. Aspek sosioekonomi merujuk kepada perkara-perkara yang berkenaan dengan guna tenaga, demografi, pekerjaan, dan organisasi yang formal dan kompleks (Rahimah, 2001). Aspek tersebut saling berkaitan dan berhubungan antara satu sama lain demi menjamin keseimbangan sistem di dalam sesebuah masyarakat.²⁶



1.10.2 Komuniti Cina

Menurut Poplin (1979), komuniti didefinisikan kepada tiga elemen penting, iaitu kawasan geografi atau lokaliti, interaksi sosial dan hubungan komuniti.²⁹ Wilkinson (1991) pula menyatakan bahawa komuniti haruslah terdapat satu lagi elemen, iaitu rasa kepunyaan dan berkongsi kepentingan bersama berhubung dengan lokaliti dan hubungan tersebut.³⁰ Bertolak daripada huraihan ringkas di atas, maka dalam

²⁵ Hugo F. Reading. *Dictionary of the Social Sciences*. London: Routledge and Kegan Paul, 1976. Hlm. 184.

²⁶ Mohd Nur Syufaat Bin Jamiran. *Sosioekonomi Orang Asli Jakun Di Kampung Peta*. (Tesis Sarjana belum diterbitkan). Johor. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2015. Hlm. 15.





kajian ini, komuniti ditakrifkan sebagai suatu kelompok orang yang berada dalam lokaliti yang sama, berinteraksi dan menjalin hubungan antara satu sama lain, mempunyai semangat kekitaan, berkongsi kepentingan dari segi menjaga hubungan sosial sesama mereka serta berkongsi hasrat bagi kelangsungan dan kesejahteraan kawasan kediaman dan anggota-anggota mereka.²⁷

Menurut Yen Ching-Hwang (2008), komuniti Cina ditakrifkan sebagai masyarakat imigran berasal dari negara China yang bersifat tradisionalisme dan konservatif dengan berpegang teguh kepada tradisi Cina dalam semua aspek.²⁸ Oleh itu, dalam kajian ini, komuniti Cina didefinisikan sebagai sebuah masyarakat imigran yang berasal dari negara China, hidup bersama di sebuah tempat asing dengan masih mengekalkan kehidupan, percakapan dialek atau bahasa Mandarin, budaya, adat resam, tradisi dan kepercayaan yang mereka amalkan di negara China.

Tambahan pula, komuniti Cina dalam kajian ini merangkumi semua dialek Cina seperti, orang Kantonis, Kwangsi, Hakka dan Hokkien.

1.1 Pembahagian Bab

Kajian ini dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama ialah bab pengenalan. Dalam bab pengenalan dijelaskan tentang masalah yang hendak diselidiki, objektif kajian,

²⁷ Abdul Rahman Embong. *Pembangunan Negara, Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007. Hlm. 15.

²⁸ Yen, C. H. *Chinese In Southeast Asia And Beyond: The Socioeconomic And Political Dimensions*. Singapore: World Scientific Printers, 2008. Hlm. 13.





soalan kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian, metodologi yang digunakan, hipotesis dan tinjauan kajian lepas.

Bab kedua pula menjelaskan sejarah dan latar belakang orang-orang Cina ke Bentong pada abad ke-18 dan 19. Pertama sekali, pengkaji membincangkan tentang sejarah penerokaan dan pembangunan Bentong semasa zaman kolonial British serta asal usul nama Bentong dalam bab ini supaya memperlihatkan perkaitan antara komuniti Cina dengan pembangunan Bentong. Untuk mengkaji sosioekonomi komuniti Cina dengan lebih mendalam, latar belakang komuniti Cina di Bentong seperti asal usul, jenis kumpulan dialek dan faktor imigrasi orang Cina ke Bentong juga diuraikan dengan teliti dalam bab ini. Kawasan-kawasan penempatan Cina di daerah Bentong juga dibincang dengan jelas supaya dapat lebih memahami komuniti Cina Bentong.



Seterusnya, bab ketiga menjurus kepada penglibatan komuniti Cina dalam aktiviti ekonomi pada sepanjang zaman pentadbiran British di Bentong. Bab ini diterangkan tentang perkembangan perlombongan bijih timah di Bentong dan penglibatan serta sumbangan orang Cina dalam aktiviti perlombongan Bentong. Selain itu, bab ini juga meneliti tentang penglibatan orang Cina dalam kegiatan ekonomi lain di Bentong seperti pertanian, penanaman getah, pertukangan dan perniagaan.





Bab keempat pula memperincikan tentang peranan dan sumbangan komuniti Cina terhadap penerokaan dan pembangunan Bentong sejak tahun 1897 hingga 1948. Peranan komuniti Cina dalam aktiviti ekonomi Bentong telah diuraikan dalam bab ini. Tambahan pula, sumbangan komuniti Cina dalam sistem pengangkutan dan pembekalan tenaga buruh kepada pembangunan Bentong juga ditelitian. Seterusnya, bab kelima menjelaskan tentang kesan dan kepentingan kehadiran komuniti Cina terhadap pembangunan sosial Bentong. Kepentingan komuniti Cina dalam peningkatan taraf hidup, kelahiran *huiguan* dan pembentukkan kawasan-kawasan penempatan baru ditelitian dalam bab ini.

Bab keenam pula adalah bab kesimpulan kepada kajian ini. Dalam bab ini, penyelidik membuat rumusan dan kesimpulan berkaitan dengan kandungan kajian yang dilengkapkan. Selain itu, dalam bab ini, penyelidik juga hendak membuktikan komuniti Cina telah memperkembangkan kegiatan ekonomi di Bentong dan memberi sumbangan besar terhadap penerokaan dan pembangunan Bentong terutamanya dari segi sosioekonomi.

